

# Pendidikan Negara Pasport Masa Hadapan



**S**ETIAP hujung tahun dan awal tahun ibu bapa sibuk membuat persiapan untuk menghantar anak-anak mereka yang baru menjejaskan kaki ke sekolah rendah dan menengah. Pada awal tahun 2017, sebanyak 887 451 murid dan pelajar masuk ke tahun satu dan tingkatan satu di 10 180 buah sekolah rendah dan menengah di negara ini. Jumlah keseluruhan pelajar di negara ini sekitar lima juta, dengan 200 684 di prasekolah, 2 685 403 di sekolah rendah dan 2 188 525 di sekolah menengah. Jumlah tersebut belum lagi mengambil kira bilangan pelajar dan mahasiswa di pelbagai kolej, universiti dan pusat pengajian tinggi.

Apabila menghantar anak-anak pada hari pertama ke sekolah rendah, sebenarnya ibu

bapa meletakkan harapan yang tinggi terhadap anak-anak tersebut. Mereka berazam agar anak-anak dapat mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang akademik sehingga berjaya menggenggam ijazah. Malah sebahagiannya berazam agar anak mereka menjadi doktor, jurutera, peguam, ahli sains dan pakar dalam pelbagai bidang.

Secara realitinya, pendidikan dan pelajaran bukan sahaja bertujuan untuk mendapatkan ilmu dan kemahiran, tetapi sebagai wadah untuk mencanai watak dan perwatakan insan menjadi berdisiplin, berakhlak mulia dan memiliki nilai positif yang lain. Perjalanan di alam persekolahan ibarat perjalanan beribu batu, penuh dengan ujian, cabaran dan liku. Hanya mereka yang gigih, tekun dan sabar akhirnya mencapai destinasi dan meraih kejayaan.

Menghantar anak ke sekolah boleh diumpamakan sebagai langkah menyemai benih pokok yang hasilnya bakal dituai dalam tempoh belasan atau puluhan tahun kemudian. Sekitar 16 tahun diperlukan bagi seseorang sebelum menggenggam ijazah pertama. Apabila seseorang itu berjaya menamatkan pengajian di universiti, pada masa itu, usianya sudah mencecah 22 tahun hingga 26 tahun, iaitu usia muda yang cerdas, cergas dan dinamik.

Misi Kementerian Pelajaran Malaysia adalah untuk membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara. Objektifnya pula adalah untuk melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera, menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan dan kemajuan negara, serta memberikan peluang pendidikan kepada warganegara.

Menyadari pentingnya pelajaran untuk mengubah nasib seseorang, masyarakat dan negara, maka kerajaan sentiasa memberikan keutamaan kepada sektor berkenaan dalam setiap

belanjawan yang dibentangkan. Peruntukan untuk pendidikan sentiasa diutamakan, hal ini kerana kerajaan menyedari hakikat pendidikan ialah pelaburan terbaik untuk masa hadapan.

Kerajaan menyedari bahawa sumber manusia perlu mendapat latihan yang terbaik. Generasi muda perlu mendapat pelajaran yang berkualiti bagi memastikan mereka berdaya saing dan memenuhi keperluan sumber manusia dalam pelbagai sektor dan bidang. Jumlah peruntukan besar yang disalurkan ke sektor berkenaan membuktikan bahawa kerajaan memberikan perhatian terhadap bidang pendidikan.

Pendidikan merupakan jalan paling berkesan untuk melahirkan modal insan yang mahir, berilmu, berketerampilan dan berdaya saing untuk membangunkan dan memajukan negara dari semua segi, terutamanya ekonomi pada masa hadapan. Malaysia yang berusaha untuk muncul sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi percaya bahawa pelaburan dalam sektor pendidikan akan menjadi pemacu terbaik untuk mengahkibatkan hasrat itu.

Dalam konteks ini, Malaysia berada pada landasan yang betul, iaitu menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 setelah Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita mencecah US\$10570 pada tahun 2015, hanya 15 peratus kurang daripada angka pendapatan tinggi semasa, iaitu US\$12475 yang ditetapkan oleh Bank Dunia.

Berdasarkan Jabatan Statistik Malaysia, menerusi laporan *Gross Domestic Product Income Approach* (2010-2015), KDNK Malaysia berdasarkan pendapatan telah berkembang dengan baik. Berdasarkan GDP, 34.8 peratus pendapatan disumbang oleh upah dan gaji, diikuti 60.5 menerusi keuntungan perniagaan dan 4.7 peratus menerusi cukai dan subsidi. Seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi tahun 2011 hingga tahun 2015, pengagihan pendapatan keseluruhan Malaysia telah meningkat secara berterusan, iaitu dengan jumlah pendapatan isi rumah bagi golongan bawah 40 peratus (B40) meningkat daripada RM1440 pada tahun 2009 kepada RM2537 pada tahun 2014.

Pekali Gini pula berkurangan daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.401 pada tahun

2014, mengatasi sasaran tahun 2015, iaitu 0.420. Jurang pendapatan dijangka terus dikurangkan kepada 0.385 menjelang tahun 2020 dan dengan pelaksanaan RMKe-11 bagi tahun 2016 hingga tahun 2020.

Demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat dalam bidang pendidikan, Belanjawan 2018 memperuntukkan sejumlah RM280.25 bilion menyaksikan pertambahan peruntukan berbanding RM260.8 bilion peruntukan Belanjawan 2017 yang dibentangkan sebelum ini. Daripada jumlah tersebut, RM234.25 bilion adalah bagi perbelanjaan mengurus dan RM46 bilion bagi perbelanjaan pembangunan.

Seperti yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak yang juga Menteri Kewangan pada 27 Oktober 2017, di bawah peruntukan pembangunan, sektor ekonomi menerima agihan tertinggi sebanyak RM26.34 bilion ringgit. Sektor sosial menerima sejumlah RM11.72 bilion ringgit. Manakala, sektor keselamatan diperuntukkan sebanyak RM5.22 bilion ringgit, dan sektor pentadbiran am sebanyak RM2.72 bilion ringgit.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menganggap Belanjawan 2018 merupakan bajet

**Pelaburan dalam sektor pendidikan akan menjadi pemacu terbaik untuk mengahkibatkan hasrat itu.**



Foto: Akademi DS

Control No: A-000275486  
File Name: MA Education / 2018 / E04 2018A09.pdf.

Daftar Ekonomi (Januari 2018).  
Educational - General -  
Pg 4-9

positif kepada pembangunan sektor pendidikan tinggi negara. Belanjawan 2018 meningkat sebanyak 13.15 peratus berbanding tahun 2017. Sebanyak RM13.89 bilion disalurkan untuk KPT di bawah Belanjawan 2018 berbanding RM12.28 bilion bagi tahun 2017. Belanjawan berkenaan sudah tentu dapat membantu meningkatkan kecemerlangan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia, terutamanya dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (RDC).

**Peruntukan yang disalurkan itu dapat dimanfaatkan bagi menjalankan aktiviti penyelidikan yang dapat membawa manfaat kepada negara.**

Universiti memainkan peranan penting untuk menghasilkan komuniti berpendidikan tinggi yang sangat diperlukan dalam konteks memajukan negara, terutamanya dari segi ekonomi yang berasaskan pengetahuan.

Jumlah universiti awam melebihi 20 buah yang bertambah berbanding pada awal kemerdekaan membuktikan kepentingan universiti untuk membangunkan negara.

Ekonomi kontemporari, termasuklah ekonomi digital sangat memerlukan komuniti berpendidikan tinggi bagi memenuhi keperluan guna tenaga yang berpengetahuan dan berketerampilan tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana ekonomi negara pada masa ini dan hadapan dipacu oleh ekonomi yang berasaskan

produktiviti. Pembangunan modal manusia melalui pendidikan menjadi petunjuk penting kepada kesediaan stok sumber manusia berpengetahuan dan berkemahiran.

Universiti merupakan institusi pendidikan tinggi yang mempunyai peranan dan sumbangan penting untuk menyediakan modal insan dan kelebihan daya saing negara ini. Sekiranya Malaysia mahu setanding dengan negara maju, sektor pendidikan perlu diutamakan. Hal ini memerlukan pertimbangan munasabah dan bijaksana dari segi peruntukan dalam belanjawan pada setiap tahun.

Peruntukan sebanyak RM400 juta dalam bidang penyelidikan walaupun dirasakan masih dapat diperbaiki untuk universiti awam setidak-tidaknya dapat membantu memacu ekonomi negara. Peruntukan berkenaan jelas memperlihatkan bahawa kerajaan sentiasa memberikan sokongan padu kepada ekosistem penyelidikan negara. Walaupun masih ada ruang untuk memperbaiki keadaan, dengan keterhadan dari segi pendapatan negara ketika ini ekoran rendahnya harga minyak di pasaran dunia, setidak-tidaknya peruntukan yang disalurkan itu dapat dimanfaatkan bagi menjalankan aktiviti penyelidikan yang dapat membawa manfaat kepada negara.

Peruntukan bagi bidang RDC yang akan memacu ekonomi negara ke arah Revolusi Industri 4.0 pula meningkat hampir dua kali ganda kepada RM400 juta berbanding RM235 juta pada tahun 2017. Hal ini termasuklah peruntukan khas kepada Universiti Malaya (UM) untuk mencapai status 100 universiti terbaik dunia dalam masa terdekat. Dilaporkan pada tahun 2013, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM600 juta kepada lima universiti penyelidikan di negara ini. Sekiranya dibandingkan dengan universiti penyelidikan di Amerika Syarikat, peruntukan AS\$40 bilion disalurkan pada tahun 2013 sahaja. Bagi dana penyelidikan dan pembangunan (R&D), kebanyakan universiti penyelidikan bergantung sehingga 90 peratus daripada geran kerajaan.

Lantaran itu, universiti awam perlu berusaha untuk mendapatkan geran dari luar, termasuklah dari luar negara. Sepanjang tahun 2006 hingga tahun 2013, UM bergantung sebanyak 57 peratus pada kerajaan, manakala Universiti Teknologi

Malaysia (UTM) bergantung sebanyak 89 peratus. Menurut Badan Harta Intelek Sedunia (WIPO), Malaysia berada pada kedudukan yang ke-33 untuk R&D. Pada tahun 2014, tahap paten dan harta intelek adalah pada kedudukan ke-44.

Pada tahun 2015, negara membelanjakan sebanyak 5.9 peratus daripada KDNK dalam pendidikan dan hanya 1.13 peratus untuk R&D. Permohonan untuk mendapatkan paten pada tahun 1999 adalah sebanyak 218, dan angka ini meningkat kepada 1199 pada tahun 2013, dengan kelulusan 39 pada tahun 1999 dan naik menjadi 288 pada tahun 2013.

Pada tahun 2012, negara menghasilkan 29 815 kertas kerja sehingga memungkinkan Malaysia berada pada kedudukan ke-45, dan pada kedudukan ke-50 bagi bilangan sitasi. Bagi impak penyelidikan, Malaysia berada pada kedudukan ke-136 berbanding dengan Singapura pada kedudukan ke-46, Thailand pada kedudukan ke-75 dan Taiwan pada kedudukan ke-84.

Maka, sekiranya Malaysia mahu memperbaiki kedudukan, peruntukan yang lebih besar perlu terus disalurkan kepada universiti di negara ini. Pada waktu yang sama, universiti awam, terutamanya universiti penyelidikan perlu berusaha untuk mendapatkan geran yang lebih banyak dari luar. Dampak daripada hasil penyelidikan di negara ini adalah kurang mengagumkan.

Kini, terdapat keperluan untuk memastikan hasil penyelidikan dapat membantu untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Hasil penyelidikan dapat membantu meningkatkan kualiti hidup rakyat dari segi kesihatan, kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, hubungan sosial dan perumahan dan sebagainya. Maka, geran penyelidikan perlu diselaras semula bukan mengikut apa yang dipohon penyelidik semata-mata, tetapi mengikut keperluan dan kehendak rakyat.

Hasil impak penyelidikan, jenis dan bentuk penyelidikan yang dijalankan perlu menyumbang kepada kesejahteraan hidup 32 juta rakyat di negara ini. Lantaran itu, penyelidikan dengan impak yang positif kepada masyarakat perlu dinilai semula. Penyelidikan translational perlu diberikan perhatian serius oleh semua pihak.

Selain itu, peruntukan biasiswa melalui program MyBrain15 sebanyak RM900 juta dapat memberikan manfaat kepada 10 600 pelajar sarjana dan kedoktoran. Jumlah pelajaran lanjutan dalam pelbagai bidang akhirnya dapat menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara. Pelajar ini nanti bukan hanya akan menjadi pencari pekerjaan, tetapi sebahagiannya akan menjadi pencipta pekerjaan.

Sebagai pencipta pekerjaan, mereka dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada sebahagian siswazah dalam pelbagai bidang. Hal ini tentu baik untuk masa hadapan negara. Namun, keadaan ini hanya dapat dicapai sekiranya kursus dan kurikulum terbaik dengan tenaga pengajar yang berkualiti di universiti dapat disediakan. Universiti tempatan perlu berupaya melahirkan pelajar yang kreatif, imaginatif, inovatif dan memiliki kemahiran berkomunikasi yang tinggi, serta berupaya bekerja dalam pasukan.

Menyedari pentingnya pelajar membaca buku pada semua peringkat dan sistem pendidikan, melalui Belanjawan 2018, kerajaan terus memberikan peruntukan untuk pelajar membeli buku. Setiap penuntut di universiti awam dan swasta serta tingkatan enam akan diberikan bantuan baucar buku sebanyak RM250 yang memberikan manfaat kepada 1.2 juta orang pelajar. Pelajar tidak seharusnya menyalahgunakan baucar berkenaan. Baucar yang diberikan itu hendaklah digunakan untuk tujuan asal. Mekanisme yang disediakan itu seharusnya dimanfaatkan untuk membantu pelajar dalam bidang pelajaran.

Hal ini dikatakan demikian kerana sebelum ini kedengaran bahawa kemudahan baucar berkenaan digunakan untuk tujuan lain, malah ditukar kepada bentuk tunai dengan kerjasama daripada pihak yang tidak bertanggungjawab, termasuk kedai buku. Akhirnya, tujuan murni kerajaan terjejas disebabkan oleh segelintir pihak yang tidak beretika dan bertanggungjawab, termasuklah pelajar yang tidak menyedari dan memahami akan kepentingan baucar tersebut.

**Setiap penuntut di universiti awam dan swasta serta tingkatan enam akan diberikan bantuan baucar buku sebanyak RM250.**



Foto: Universiti Malaysia Kelantan



Malaysia perlu terus berusaha untuk memperbaiki penarafan universiti di negara ini di tangga dunia. Berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh Quacquarelli Symonds (QS) World University Ranking pada tahun 2017 hingga tahun 2018, universiti penyelidikan (RU) di Malaysia melakar sejarah apabila tersenarai dalam 300 universiti terbaik dunia. Universiti terbabit ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Pencapaian itu meletakkan semua universiti itu dalam kelompok satu peratus teratas dunia daripada 26 ribu universiti di seluruh dunia.

Pada masa ini, UM berada pada kedudukan ke-114 universiti terbaik dunia, meningkat 19 tangga berbanding 133 pada tahun lalu, sekali gus meletakkannya UM dalam kelompok 100 universiti terbaik di dunia. Hal ini menunjukkan kerajaan komited terhadap pendidikan tinggi. Hal ini dibuktikan menerusi

### Belanjawan 2018 juga memberikan penekanan terhadap projek pembangunan sekolah daif di seluruh negara.

jumlah peruntukan tahunan kepada pendidikan tinggi, iaitu 7.7% daripada belanjawan tahunan kerajaan. Berdasarkan penanda aras UNESCO, peruntukan tertinggi adalah dalam kalangan negara maju di Asia (Hong Kong, Singapura, Korea Selatan, Jepun), negara jiran ASEAN (Indonesia, Thailand, Singapura) dan negara lain yang setara dari segi Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita (Chile, Mexico).

Kemudian, Belanjawan 2018 juga memberikan penekanan terhadap projek pembangunan sekolah daif di seluruh negara. Hal ini membuktikan komitmen dan fokus berterusan kerajaan meningkatkan mutu pendidikan negara setaraf dengan negara maju. Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid ketika mengulas hal berkenaan berkata, keadaan ini menunjukkan tindakan komprehensif daripada kerajaan untuk memastikan semua rakyat tanpa mengira latar belakang dan kemampuan menerima pendidikan berkualiti.

Pihak kerajaan persekutuan tidak memandang mudah terhadap permintaan kerajaan Sarawak. Hal ini kerana perhatian berat perlu diberikan terhadap keadaan kemudahan sekolah di kawasan tersebut. Ketua Menteri Sarawak Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg ternyata berpuas hati dengan peruntukan Belanjawan 2018, terutamanya yang berkaitan dengan peruntukan RMI bilion untuk memperbaiki sekolah daif. Katanya, "saya amat berpuas hati dengan belanjawan ini, memanglah kami mahu lebih, tetapi kami juga maklum kekangan yang dihadapi oleh kerajaan. Tapi apa yang penting dan jelas ialah Perdana Menteri mendengar kehendak kita. Belum pernah lagi sekolah ini mendapat peruntukan RMI bilion sekali gus sebegini."

Peruntukan itu telah dipersetujui oleh kerajaan persekutuan selepas Abang Johari berbilang mengenai sekolah daif bersama-sama Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan. Walaupun kerja pembaikan sekolah daif itu biayai oleh kerajaan persekutuan, namun pelaksanaan dan penyelarasannya akan dikendalikan sepenuhnya oleh kerajaan negeri. Perdana Menteri mengumumkan peruntukan sebanyak RMI bilion masing-masing untuk Sabah dan Sarawak, khususnya bagi melaksanakan kerja membaiki pulih sekolah daif di negeri tersebut. Kemudahan

sekolah yang sesuai dan kondusif, termasuklah bilik darjah, kuarters guru, makmal, perpustakaan dan asrama perlu disediakan.

Pada masa ini, misalnya di Sarawak sahaja terdapat 1020 sekolah daif, termasuklah 415 sekolah yang benar-benar daif dan usang yang perlu diberi perhatian segera. Sudah tentu tidak adil untuk membiarkan pelajar belajar dan guru mengajar dalam keadaan yang kurang memberangsangkan, tetapi pada waktu yang sama harapan yang tinggi diletakkan terhadap mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan.

Melalui kemudahan persekolahan yang berkualiti, lengkap dengan segala kemudahan makmal, perpustakaan dan sebagainya, diharapkan pelajar di luar bandar akan dapat terus menambah baik prestasi mereka. Hanya dengan pelajaran yang berkualiti, mereka akhirnya dapat mengubah nasib diri, keluarga dan masyarakat di luar bandar pada keseluruhannya.

Selain itu, kelas abad ke-21 atau "bilik darjah pintar" di 1000 buah sekolah merupakan satu inisiatif baharu. Pengumuman Belanjawan 2018 sudah pasti akan menggembirakan banyak pihak, terutamanya pelajar yang dapat belajar dalam persekitaran yang lebih memberangsangkan, sesuai dengan matlamat untuk melahirkan pelajar yang cemerlang. Pelajar yang cemerlang tidak kira dalam bidang sains atau sastera hanya dapat dilahirkan dengan kemudahan yang berkualiti, guru yang terlatih dan komited, kurikulum yang sesuai, ibu bapa yang sentiasa memberikan dorongan dan kerjasama, serta peruntukan yang mencukupi dalam belanjawan negara.

Maksudnya, kita bukan sahaja menyediakan kemudahan yang berkualiti, tetapi guru yang benar-benar berkualiti, serta kurikulum yang baik bagi memastikan kita dapat melahirkan pelajar yang memiliki sikap kreatif, inovatif, komunikatif dan mampu bekerja sebagai sebuah pasukan. Hal ini merupakan kualiti dan sikap yang diperlukan untuk dunia pekerjaan pada masa hadapan.

Kritikan dan aduan pelbagai pihak, termasuklah pihak majikan bahawa sebahagian pelajar dan siswazah tidak menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan berkomunikasi, serta kemahiran menguasai bahasa, terutamanya bahasa Inggeris perlu ditangani dengan segera

melalui peruntukan yang disediakan, dengan menggunakan strategi, pendekatan dan kaedah yang betul. Sesungguhnya, pendidikan berkualiti bukan sahaja dinilai dari segi kebolehpasaran pelajar dan siswazah, tetapi juga dari segi perwatakan, keperibadian dan personaliti mereka untuk bergerak dalam masyarakat dan organisasi tempat bekerja.

Di samping itu, kerjasama pintar yang lebih produktif dan bermakna boleh dijayakan antara akademik dengan industri, terutamanya dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan. Kekangan belanjawan serta kenaikan kos pendidikan tinggi juga perlu ditangani menerusi peningkatan produktiviti dan keberkesanan sistem pendidikan tinggi serta IPT supaya selari dengan kemampuan kewangan seluruh sistem seperti yang digariskan oleh Kementerian terbabit sebelum ini.

Peruntukan dalam Belanjawan 2018 seharusnya terus dimanfaatkan bagi memastikan kualiti pendidikan di negara ini, dari sekolah rendah hingga ke universiti dapat ditingkatkan. Usaha serius dan berterusan perlu ditumpukan bagi meningkatkan kemudahan dan kualiti kemudahan, seperti makmal, sekolah dan asrama. Kita tidak boleh leka ketika negara lain terus berusaha keras untuk sentiasa berada di hadapan dalam bidang pendidikan. Misi, nilai dan matlamat bersama-sama dalam kalangan pemegang taruh sektor pendidikan, termasuklah ibu bapa penting untuk memastikan Malaysia dapat meningkatkan kualiti pendidikan negara supaya setaraf dengan negara Korea Selatan, Jepun, Singapura, Hong Kong dan Finland.

Menyadari bahawa pelajaran dan pendidikan merupakan passport masa hadapan bagi individu, masyarakat dan negara, maka negara perlu komited untuk memajukan pendidikan agar dapat melahirkan sumber insan yang berkualiti tinggi, sesuai dengan keperluan negara pada masa hadapan, terutamanya menjelang TN50. Apa-apa yang kita semai pada hari ini melalui pendidikan akan kita tuai pada masa hadapan. •

**Peruntukan dalam Belanjawan 2018 seharusnya terus dimanfaatkan bagi memastikan kualiti pendidikan di negara ini.**